

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO  
[PUCHONG ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status sebenar projek Lebuh Raya KIDEX dan nyatakan hala tujunya (route) serta berapa kadar/kos tol yang perlu dibayar oleh pengguna.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dan berusaha untuk menyediakan lebuh raya yang terbaik bagi kemudahan rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju dan menandatangani Perjanjian Konsesi Lebuh raya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX) pada 15 November 2013 dengan KIDEX Sdn. Bhd. bagi tempoh konsesi selama 48 tahun. Projek lebuh raya ini melibatkan jajaran sejauh 14.9 km yang bermula dari Kinrara dan berakhir di Damansara dengan anggaran kos sebanyak RM 2.42 bilion.

Pembinaan lebuh raya tersebut akan memberi manfaat kepada penduduk di sekitar Kinrara, Puchong, Petaling Jaya dan Damansara. Di samping itu, Lebuhraya KIDEX akan menjadi laluan alternatif kepada lebuh raya sedia ada seperti Lebuhraya Damansara Puchong (LDP).

Pada masa ini, pihak syarikat diberikan tempoh 12 bulan dari tarikh Perjanjian Konsesi ditandatangani, supaya memenuhi syarat-syarat duluan (*Condition Precedent – CP*, dengan izin) bagi membolehkan Perjanjian Konsesi tersebut berkuat kuasa. Antara syarat duluan yang perlu dipenuhi ialah mendapatkan *financial close* – dengan izin, untuk projek ini. Memandangkan, Perjanjian Konsesi tersebut belum berkuat kuasa, adalah terlalu awal bagi pihak Kerajaan untuk memberikan maklum balas berhubung kadar tol yang akan dikenakan.

Sekian, terima kasih.